MM : **Kiro [Kiranya] dale [dalam] sbule [sebulan] tu [itu], jame jame [zaman zaman] dulu [dahulu] (Bunyi kenderaan). Berapo [Berapa] buoh [buah] wau pokjin [Pak Zain] boleh [boleh] jual dale [dalam] sebulan?**

MZI : Dale [Dalam] sbule [sebulan] tu, ado [ada] la 6 buoh [buah], 7 buoh [buah].

MM : **Jame [Zaman] dulu pon ado [ada] rego [harga] doh [dah] dok [kan]?**

MZI : Ai, takdok [tiada] rego [harga] lah [sangat] mano [pon]. Dulu 4–5-riyal [4-5 ringgit] jah [je]. Pasa [Sebab] dulu pitih [duit] payoh [susah]. Ho [Ya] loni [sekarang], pitih [duit] mudoh [mudah untuk didapatkan] (Bunyi motosikal)

MM : **Loni [Sekarang] pon ore [orang/warga] seni takdok-mano [ramai yang dah mati] doh [dah] dok [kan]?**

MZI : Ho [Ya], takdok-mano [ramai yang dah mati/meninggal] doh [dah].

MM : **Kiro [Kiranya] seni tu dimartabat tinggi, jadi [maka] rego [harga] mahal la loni [sekarang] dok [kan].**

MZI : Ha [Ya], loni [sekarang] ore [orang] jual gak, 25-riyal [25 ringgit] sekaki, lonie [sekarang] ore [orang] kiro [kira] kaki. Dulu dio [dia] kiro [kira] gitu jah [jer].

MM : **Kalu [Kalau] besar besar ni, barapo [berapa] riyal [ringgit]? (Sambil menunjukkan wau dibelakang)**

MZI : Kalu [kalau] jame [zaman] loni [sekarang], kalu [kalau] 4 kaki, 100 riyal [ringgit].

MM : **Bernilai seni jame [zaman] loni [sekarang]. Kalu [Kalau] loni [sekarang], ado [ada] lagi ko [ke] ore [orang] tempah?**

MZI : Loni [Sekarang], ore [orang] tepoh [tempah] tu ado [ada]. Ambo [Saya] takleh [tak boleh] nok [nak] buat la. Sekat [Sejak] keno [kena] stroke ni [-] gak [-] kiro [Jadi] ambo [saya] tokleh [tak boleh] nok [nak] buat la. Paka [Kiranya] tinggal terus la. Tapi (masih) minat lagi.

MM : **Kiro [Kira] tengok tu gak [-], berair mulut [Masih lagi bernafsu] kato. (Nada ketawa)**

MZI : (Nada Ketawa)

MM : **Pernah ko [kah] pokjin [Pak Zain] ngajar [mengajar] ore [orang] mari wak [buat] bengkel disini?**

MZI : Pernah, jadi sekolah [sekolah], uitm[Universiti Teknologi Mara], umk [Universiti Malaysia Kelantan].

MM : **Kalu dari sekolah [sekolah] tu, daripado [daripada] mano [mana] pokjin [Pak Zain]?**

MZI : Daripado [Daripada] kuala lumpur, tok [tidak] ingat mano [dari mana] doh [dah].

MM : **Kiro [Kiranya] dio [dia] tengok pokjin [Pak Zain] risik [merisik] buluh *start* [mula] daripada awal sampai habis la.**

MZI : Ho [Ya], la. Makno[Maknanya], kito [kita] buat rangko [rangka], nok [nak] ukur, kiroan [kiraan] tu, dio [dia] amik [ambil] belako [semua] la.

MM : **Adakah pokjin [Pak Zain] sendiri raso [rasa] boleh [boleh] ngajar [mengajar] anak mudo [muda] buat wau?**

MZI : Suko [Gembira] (Riak muka tersenyum lebar). Sekolah tangok [Sekolah Kebangsaan Tangok Bachok Kelantan] pon mari jugok [turut membuat lawatan [di sini]. Banyak [Banyak] doh [dah] sekolah [sekolah] marinyo [yang melawat]. Ambo [Saya] jah [je] tok ingat nyah [yang tidak ingat].

MM : Kalau untuk pasaran wau eksport, gapo [apa] reaksi pokjin [Pak Zain] sendiri, supo [macam] dengan pokjin [Pak Zain] tengok wau bulan ni jadi antarabangsa. Sehingga [sehinggakan] mat saleh [orang kulit putih] pon minat wau kebangsaan kita.

MZI : Suko [Gembira] la. Banggo [Bangga]!

MM : Tu la reaksi pokjin [Pak Zain] dok [kan]?

MZI : Ho [Ya]. Kita sebagai ore [orang] seni, raso [rasa] banggo [bangga].

MM : Apakah pokjin [Pak Zain] sendiri mempunyai idola untuk menghasilkan wau ni?

MZI : Ho [Ya], Mamat bin Salleh.

MM : Dio [Dia] takdok doh dok [sudah meninggal kan]?

MZI : Dio [Dia] mati blako [belaka] doh. Sahabat hok [yang] dulu dulu [Ketika dahulu] tkdok [mati] blako [belaka] doh [dah].

MM : Dio [Dia] la jadi idola kepada [kepada] pokjin [saya] nyo [-].

MZI : Ho (Bunyi lembu).

MM : Pada pendapat pokjin[Pak Zain], (Bunyi motosikal) apakah persiapan kito[kita] perlu kita buat sebelum masuk bidang pembuatan wau ni? Persiapan mental ko, fizikal ko, takut ore [orang] kecam kito [kita] ko [ke]?

MZI : Aii takdok, beraso[rasa] nok[nak] buat, buat. Jadi kito[kita] tok [tidak] caro [peduli] kokre [kepada orang lain] lah. Pasa [Sebab] minat kito [kita]. Jadi, beraso [berasa] nok [hendak] buat wau gak [-]. Nok [Nak] buat besar, kito [kita] buat.

MM : **Kiro [Kira] persiapan nyo [persiapannya] sekadar untuk kito [kita] sendiri, sebab minat kito [kita].**

MZI : Ho [Ya], minat kito [kita].

MM : **Cabaran maso [masa] mulo-mulo [mula mula] pokjin [Pak Zain] buat wau ni gapo[apa]? Masuk hute [hutan]-ko[ke]?**

MZI : Aii [-] dok [Tidak], main kok kapong[kampung] gitu[macam tu] jah [je].

MM : **Kiro [Kiranya] amik buluh gapo [apa apa] pon kiro [kira] masuk palo [kepala] hute [hutan], takdok [tidak ada] jupe [terjumpa] ular, gajoh [gajah ataupun] rima [harimau]?**

MZI : Ho [Ya] palo [kepala] hute [hutan] jah [je]. Untuk gajoh [gajah dan] rima [harimau] tu takdok [tiada] la.

MM : **Kironyo[Kiranya] keselamatan terjamin la?**

MZI : Ho [Ya], terjamin la.

MM : **Cabaran lain ore[orang] kato[mengata] pokjin [Pak Zain] buat wau amik untung ko[ke] gapo[apa], takdok [tiada] la?**

MZI : Ho [Ya] takdok [tidak ada]. Cumo [Cuma] ore [orang] suko [suka] la. Mugo [Sebab] kito [kita] buat kijo [kerja] seni.

MM : Buke [Bukan] semo [semua] ore [orang] boleh baut dok[kan]?

MZI : Iyo [Ya].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENDAPAT TOKOH

MM : Akhir sekali, boleh ko pokjin [Pak Zain] bagi pendapat ataupun nasihat untuk ore[orang] baru hok [yang] nok [nak] menceburi dale [dalam] bidang pembuatan wau ni?

MZI : Kalau boleh [boleh] gak [-], [kan] nok [nak] panje [berpanjangan] la. Suruh budok budok [anak muda] buat pulok [pula] lah. Mugo [Sebab] loni [sekarang] takdok[tiada] doh [dah]. Sekat [Sejak] peringkat tuo [tua] ni, jadi nok pupus blako [belaka/semua] doh [dah]. (Bunyi motosikal)

MM : Ore tok[tidak] main doh [dah] dok [kan]?

MZI : Ho [Ya], ore [orang] tok [tidak] main [bermain] doh [dah].

MM : Pada pandangan pokjin [Pak Zain] sendiri, adakah semo [semua] ore [orang] boleh [boleh] cebur bidang ni? Adakah ore [orang] puan [perempuan] atau ore [orang] jate [lelaki] boleh [boleh] main wau ni?

MZI : Kalau ore [orang] puan [perempuan] ni, tok [tidak] molek [manis] la dok main wau. Makno [Maknanya] ore jate [lelaki] ni, banyak [banyak] la lonie [sekarang] nyoh [nya] hok [yang] dok [selalu] buat wau ni. Jadi, kalu [kalau] pokjin [Pak

Zain] takdok [mati/meninggal] pon, budok budok [anak muda] lain pon boleh [boleh] buat la. Mugo [Sebab] loni [sekarang] budok [anak muda] pandai tiru blako [belaka]. Dulu pokjin [saya] sore [seorang] jah [je] buat wau puyuh ni. Wau mugo [benda] lain, ore [orang] lain pandai jugok [juga]. Tapi wau puyuh ni, mari alik[dari] baung kei [kan], jadi pokjin [saya] jah [je] hok [yang] pandai buat dulu. Pahtu, [Selepas itu,] ore [orang] lain pon pakat[semua] tiru.

MM : **Kembei [Berkembang] abih [habis] dok [kan] pah [sampai ke] bachok [Bachok], pah [sampai ke] tupak [Tumpat].**

MZI : Ho [Ya].

MM : **Tapi kito [kita] tengok, di jambu [Kampung Jambu] ni dio [dia] lain. Ekor, Sayap dio [dia] ni, kalau di bachok [Bachok] sayap dio [dia] nyerong [menyerong] sikit[sedikit]. Kalau di jambu [Kampung Jambu] ngan [dengan] baung [Kampung Baung] ni, sayap dio [ia] gemuk sikit [sedikit]. Macei [Macam] wau burung.**

MZI : Ha [Ya], dio [dia] masing masing minat la. Masing masing punya Teknik. Tapi wau pokjin [saya] ni lain dengan ore [orang kebiasaan]. (Sambil menunjukkan wau di sebalik kamera). Jadi kalu [kalau] gi [pergi] main ramai-ramai, kalu [kalau] wau pokjin [saya] naik, ore [orang lain] kenal selalu. Walau bachok[dari Bachok], mano pon, Tengok wau pokjin[saya] ore [orang lain] kenal selalu. Pasalnyo[Sebabnya] patak [ekor] anak tu dio lain dari yang lain. Dio [Ia] hok [yang] asli dari kito[Kampung Baung]. (Bunyi motosikal). Wau puyuh tu wau puyuh, tapi, hok [yang empunya] kito [kita] tu lain. (Patak tu ekor wau)

MM : Apakah nasihat pokjin[Pak Zain] sendiri pada masyarakat supaya menghargai seni warisan wau di Kelantan ni khususnya dan di Malaysia amnya?

MZI : Makno[Maknanya], wau ni boleh[boleh] la main di kelate [Kelantan] ni. (Bunyi motosikal) Biar tidok [tidak] pupus.

MM : Kiro [Kiranya] pokjin [Pak Zain] nasihat ni untuk anak anak [anak anak] mudo [muda] kiro, mianlah wau ni.

MZI : Kiro [Kiranya] boleh [boleh] main la wau ni, makno [maknanya] tidok[tiada] mudarat lah. Dio [Dia] sapa [sampai] maso [masa], ho[]ya boleh [boleh] main. Pasal [Ini kerana,] wau ni, dio musim[bermusim] jugok [jugak]. Dio[Kalau] bule[bulan] 3 [Mac] sampai bule [bulan] 8[Ogos].

MM : Dio [Dia] ado [ada] angin barat ko [ke] gapo [apa]?

MZI : Dio [Dia], bule [bulan] 3, bule [bulan] 4 tu dio angin laut. Pahtu bule 7, bule 8 tu, dio angin barat. Bule 8 tu boleh main alik pagi, kalua bule 3 boleh main alaik pete. Angin laut.

MM : Kito [Kita] sebagai anak [anak jati] kelate [Negeri Kelantan], hargailah seni ni dok [kan]?

MZI : Ho [Ya].

MM : Kiro [Kiranya] pokjin [Pak Zain] nasihat gitu [begitu] jerlah kepada anak-anok[anak anak muda] di luar sano [sana]. Sayangi seni warisan kita.

MZI : Iyo [Ya].

MM : **Apakah pandangan pokjin [Pak Zain] sendiri terhadap warisan pembuatan wau pado [pada] maso [masa] depe[hadapan]? Andai kato [Seandainya] ore ore [orang] lamo[lama/otai] ni takdok doh [sudah meniggal/mati]? Pokjin [Pak Zain] raso [rasa] wau ni ado [ada] lagi ko [atau] dok [tidak]?**

MZI : Wau ni, pokjin [Pak Zain] raso [rasa] ada [ada] lagi. Pasa[nyo] [Sebabnya], budok budok [remaja/belia] lani [zaman sekarang] pon minat blako[belaka] lagi.

MM : **Ado [Ada] lagi penerus seni.**

MZI : Ho [Ya].

MM : **Bolehkah saya tahu, apakah perancangan pokjin pada maso [masa] depe [depan] dale [dalam] bide [bidang] ni?**

MZI : Perancangan pokjin [Pak Zain] nyo [nya] ngajar [mengajar] ore [orang]. Boleh [Boleh] royak[sebut/menceritakan] untuk ore[orang] nok[tahu] tahu pasal wau.

MM : **Perancangan pokjin [Pak Zain] mungkin dia akan buat bengkel ataupun sesi tembual ataupun sesi soal jawab untuk anak muda bagi mendalami apa itu wau sendiri?**

MZI : Iya.

MM : **Terima kasih kepada pokcik Zain bin Ismail kerana sudi meluangkan masa untuk membantu kami dalam sesi interview ini dalam memenuhi tuntutan tugas bagi semester ini. Tidak Lupa juga kepada keluarga pakcik yang**

banyak membantu saya dalam melancarkan sesi tembual padi kali ini. Berikut merupakan sesi tembual kita Bersama tokoh seni pembuatan wau di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya. Beliau merupakan salah seorang tokoh contoh yang mendapat pengiktirafan dari balai seni budaya di negeri Kelantan. Berikut merupakan sijil pengiktirafan daripada beliau. Antaranya ialah pesta wau antarabangsa Malaysia pada tahun 1997, Seterusnya beliau menerima sijil daripada Pusat Kebudayaan Kesenian dan Pelacangan wilayah timur pada tahun 1992 dan akhir sekali, beliau juga seorang yang aktif dalam seni persilatan dan menerima sijil pesta silat Kelantan 1994 dari kerajaan negeri Kelantan sendiri di Padang Merdeka Tanah Merah Kelantan. Berikut, merupakan tokoh yang disegani di Kelantan dan mempunyai nama di salah sebuah artikel berkaitan dengan wau. Muhd Zain bin Ismail juga seorang tokoh yang disegani dalam seni pembuatan wau di Kelantan beliau merupakan seorang yang berwawasan tinggi dan mempunyai wawasan untuk membangun anak muda di kawasannya. Begitulah serba sedikit mengenai tokoh di sebelah saya. Sekian terima kasih daripada saya, Muhammad Mustaqqim bin Mazlan.

TAMAT BAHAGIAN 4

LOG WAWANCARA

Muhammad Mustaqqim Bin Mazlan telah menemubual Mohd Zain bin Ismail yang dilahirkan pada tahun 17 Oktober 1951 di Kampung Jambu, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dijalankan pada 18 November 2021 pada jam 5.00 petang, mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan beliau dalam bidang pembuatan wau tradisional.

BAHAGIAN: PENGENALAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.10	Sesi Pengenalan	Muhammad Mustaqqim Mohd Sanusi bin Mohammad UiTM Machang

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.50	Sesi pengenalan diri Encik Mohd Zain Bin Ismail	Mohammad Sanusi bin Mohammad 1951 Kampung Jambu
1.30	Menceritakan tentang adik beradik beliau	4 orang adik beradik Anak ke 2 dari 4 orang adik beradik
1.45	Menceritakan tentang emak dan ayah beliau	Ayah bekerja sebagai petani di Kampung
2.03	Menceritakan tentang isteri dan anak beliau	1973 tahun perkahwinan Nama isteri, Murni binti Kassim Isterinya bekerja sebagai tenaga pengajar mengaji al Quran di rumah Anak 11 orang, 2 meninggal. Kini tinggal 9 orang anak 6 lelaki 3 perempuan
3.28	Menceritakan tentang cita-cita beliau dan pengalaman kerja beliau	Bermain wau sebagai hobi Pernah menceburi bidang persilatan

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
3.54	Latar Belakang pendidikan	Sekolah Kebangsaan Rambutan Rendang, kini dikenali sebagai Sekeloh Rendah Kebangsaan Seri Chempka. Darjah Enam Boleh membaca dan mengira.

BAHAGIAN C: KERJAYA TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
5.31	Pengalaman kerja beliau	Bertanam padi Penoreh getah
6.10	Tempoh bekerja beliau dahulu.	Bekerja dari muda sampai tua (55 tahun)

BAHAGIAN D: MENGENAI BIDANG SENI PEMBUATAN WAU

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
6.18	Encik Mohd Zain Bin Ismail menceritakan tentang wau	Kampung Baung Wau Puyuh Pattani, Thailand. Menceburi bidang wau dari umur 13 sehingga sekarang 2022 (58 tahun)
9.50	Menceritakan jenis wau yang telah beliau hasilkan	Wau Bulan Wau Puyuh Wau Merak Wau Jala Budi Wau Bayang Wau Burung
11.15	Menceritakan tentang bahan untuk menghasilkan wau	Buluh Betonmg Buluh Duri Lidi sagu Kanji untuk dilekatkan Bersama kertas Getah dari pokok getah Gam Plastik Kain Plastik Tali Karut

13.42	Menceritakan tentang teknik pembuatan wau menjadi kegemaran beliau	Menggunakan tali untuk menjadi penguat ikatan untuk badan wau. Tali Karut berfungsi sebagai bahan penyokong untuk badan wau dengan kertas penampal badan wau
15.12	Menceritakan tentang idola beliau dalam wau	Mamat bin Salleh iatu bapa sepupu beliau yang berasal dari Kampung Baung.

BAHAGIAN E: PENGLIBATAN TOKOH DALAM SENI PEMBUATAN WAU

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
14.30	Encik Mohd Zain Bin Ismail menceritakan tentang penglibatan beliau dalam bidang seni pembuatan wau.	1964 berumur dari 13 tahun
17.22	Menceritakan tentang reaksi orang sekeliling terhadap pembuatan wau	Ibu bapa beliau sokong dalam kegiatan pembuatan wau
17.30	Menceritakan tentang ilham untuk membuat batik	Dorongan sendiri
19.10	Menceritakan tentang teknik yang beliau selesa dalam penghasilan wau	Menggunakan urat pisang sebagai tali Umur buluh betong yang sesuai untuk digunakan ialah tua pisang benggala (2 tahun) dengan tahap kekerasan 80%.

BAHAGIAN F: PENCAPAIAN TOKOH

Masa	Subjek	Nama/Tempat/Rujukan
	Bahagian : Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan	
21.45	Tokoh Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan	Pesta Wau Antarabangsa Mendapat undangan pertunjukkan layang layang dari pihak Pusat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan. Pantai Tujuh
21:02	Pencapaian yang tokoh rasa paling besar sejak menceburi bidang ini?	Mendapat RM 1500.00 Mendapat undangan pertunjukkan layang layang dari pihak Pusat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan dan menajadi peserta pesta layang layang antarabangsa.
24.24	Wau yang paling bernilai buat beliau	Wau Puyuh. Kerana busur yang mempunyai suara yang gemersik
25.28	Berapakah jumlah wau yang dijual dalam sebulan?	6-7 buah sebulan.
27.23	Bagaimanakah perasaan tokoh apabila mendapat peluang mengajar seni pembuatan wau kepada pelajar sekolah dari Kuala Lumpur.	Melihat cara pembuatan wau Gembira dan bangga kerana dapat mengajar tentang seni pembuatan wau
29.02	Reaksi tokoh apabila seni wau memasuki pasaran antarabangsa.	Gembira dan bangga
29.25	Menceritakan idola yang memberi beliau inspirasi	Mamat bin Salleh

BAHAGIAN G: PENDAPAT DAN NASIHAT TOKOH

Masa	Subjek	Nama/Tempat/Rujukan
	Bahagian: Pendapat/Pandangan/Nasihat/Penceritaan	
29:55	Persiapan terpenting bagi mereka yang ingin menceburi bidang ini	Teruskan buat apa yang diminati (wau)
30.40	Cabaran yang dihadapi oleh tokoh untuk membuat wau?	Cabaran tidak begitu besar dan mampu diharungi oleh semua orang
31: 50	Nasihat untuk menghargai seni warisan pembuatan wau	Berharap seni warisan wau masih diteruskan dan berpanjangan agar seni ini tidak pupus ditelan zaman.
32.01	Pandangan tokoh terhadap perbezaan jantina mengenai permainan wau	Lebih memilih kearah lelaki kerana permainan ini permainan lapangan dan menjaga wanita dari pandangan ajnabi.
34.25	Nasihat tokoh kepada masyarakat tentang wau	Teruskan bermain wau kerana permainan ini tidak membawa mudarat. Anak Kelantan harus menghargai seni warisan pembuatan wau. Sayangi seni warisan kita.
36.10	Pandangan tokoh tentang seni warisan pembuatan wau untuk masa hadapan	Berharap wau masih dimainkan dan penerus permainan ini.
36.50	Perancangan tokoh pada masa hadapan dalam bidang kesenian pembuatan wau.	Mengajar anak muda membuat wau. Buat bengkel pembuatan wau. Mengadakan Sesi <i>Interview</i>

		Sesi soal jawab bersama anak muda untuk mendalami tentang wau
38.29	Sesi pameran sijil penghargaan dari tokoh kepada pihak umum	Sijil Pusat Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Wilayah Timur Sijil peserta Pesta Wau Antarabangsa 1997 Sijil Penyertaan Pesta Silat Kelantan 1994
37.39	Sesi Penutupan	

DAIRI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2: 00 PM	14/10/2021	Pembentangan tajuk kajian sejarah lisan oleh Puan Kamariah dan membentuk kumpulan yang terdiri daripada dua orang	Kumpulan telah ditubuhkan dan membincangkan tajuk kajian.
2.00 PM	21/10/2021	Membuat carian mengenai tokoh seni warisan dan berbincang dengan pensyarah	Encik Mohd Zain telah dipilih sebagai tokoh seni warisan batik
2.00 PM	7/11/2021	Mengusulkan tokoh warisan seni pembuatan Wau kepada Puan Kamariah	Puan Kamariah bersetuju dengan pemilihan kami
10.00 AM	8/11//2021	Mendapatkan nombor Encik Mohd Zain daripada kenalan kami	Beliau bersetuju untuk berhubung dengan Encik Mohd Zain
2.00 PM	11/11/2021	Menghubungi Encik Mohd Zain	Untuk mendapatkan Tarikh temu bual
5.00 PM	18/11/2021	Sesi temubual dilakukan	Temubual di adakan di rumah beliau di Kampung Jambu
6.30 PM	18/11/2021	Temubual Selesai	Kami berterima kasih kepada Encik Mohd Zain bin Ismail kerana

			meluangkan masa bersama kami
9.00 AM	20/11/2021	Pembahagian tugas	Tugas menyiapkan transkrip, diari kajian, artikel dan medium dan alatan rakaman dibahagikan.
9.00 PM	10/2/2022	Menghantar tugas	Tugasan diari kajian, artikel dan medium & alatan rakaman dihantar.
5.00 PM	14/2/2022	Menghantar tugas	Tugasan transkrip dihantar.
4.00 PM	28/2/2022	Menghantar transkrip lengkap.	Transkrip lengkap dihantar.

SENARAI SOALAN

PENGENALAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan seorang tokoh dalam pengusahaan batik. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Zain Bin Ismail yang merupakan seorang tokoh seni pembuatan wau di Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 November 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 5.00 petang di halaman rumah beliau, Kampung Jambu, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Mustaqqim bin Mazlan dan Nur Liyana binti Mohammed yang tidak dapat hadir kerana berjauhan dengan lokasi temubual. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan

LATAR BELAKANG TOKOH (total 15min satu part)

- 1.1 Latar Belakang Peribadi (intro, assalamualaikum saya Mustaqqim wakil dari uitm Machang ingin membuat sesi interview Bersama pengiat seni wau iaitu encik Mohd zain, dan boleh tak encik ceritakan serba sedikit latar belakang encik kepada kami?)
 - Boleh ceritakan sedikit latar belakang encik seperti nama penuh, nama panggilan, tarikh lahir, tempat lahir, status dan sebagainya?
 - Apakah nama penuh tokoh?
 - Bilakah tokoh dilahirkan?
 - Di manakah tokoh dilahirkan?
 - Di manakah tokoh dibesarkan?
 - Berapakah bilangan adik beradik tokoh?
 - Iubapa tokoh bekerja sebagai apa?
 - Bilakah tokoh berkeluarga?
 - Nama isteri tokoh?

- Kerjaya isteri tokoh?
- Bilangan anak-anak tokoh?
- Apakah cita-cita encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?

1.2 Latar Belakang Pendidikan (Seterusnya boleh tak encik menceritakan tentang latar belakang Pendidikan encik? Seperti sekolah kat mana, tahun bila abis belajar, pernah mengambil kos apa sebelum menceburi bidang ini?)

- Apakah nama sekolah rendah tokoh
- Apakah nama sekolah menengah tokoh?
- Tahun bilakah encik menamatkan zaman persekolahan?
- Tahun bilakah tokoh memulakan pengajian peringkat tinggi
- Tahun bilakah tokoh menamatkan pengajian tokoh?
- Apakah kos yang tokoh ambil?
- Adakah tokoh memilih kos tersebut berdasarkan minat atau ditawarkan?
- Mengapa kos tersebut menjadi pilihan
- Cabaran dalam perjalanan pengajian/ pengalaman yang dapat dikongsikan

2.0 KERJAYA

2.1 Pengalaman Pekerjaan (Seterusnya saya nak bertanya kepada encik tentang pengalaman kerja encik. Bolehkan encik ceritakan tentang apakah pekerjaan encik dulu selepas tamat pengajian?)

- Apakah Pekerjaan selepas tamat pengajian
- Berapa lamakah encik bekerja dalam bidang tersebut?
- Apakah nama tempat (syarikat) tokoh berkhidmat
- Berapa tahun encik terlibat dalam bidang ini.
- Apakah bidang tugas yang tokoh lakukan
- Mengapakah seni pembuatan wau menjadai minat utama encik?

2.2 Mengenai Bidang Seni Pembuatan wau (Seterusnya bolehkan encik ceritakan serba sedikit mengenai wau ini sendiri seperti definisi wau, jenis wau yang encik hasilkan, dan bahan bahan untuk membuat wau?)

- Apakah itu definisi bidang seni pembuatan wau?
- Apakah jenis wau yang tokoh hasilkan?
- Apakah jenis atau bahan yang digunakan dalam proses pembuatan wau?
- Apakah teknik yang digunakan terhadap proses pembuatan wau tersebut?
- Apakah jenis teknik pembuatan wau yang tokoh fokus dan mengapa?
- Siapakah tokoh warisan wau yang di jadikan sebagai idola tokoh?

2.3 Mengenai Penglibatan Tokoh dalam seni pembuatan wau (Seterusnya bolehkah encik ceritakan tentang pengalaman encik dalam bidang pembuatan wau ini, tahun bilakah encik mula buat wau ni?)

- Bilakah tokoh mula melibatkan diri dalam bidang?
- Bagaimana tokoh terlibat dalam bidang ini?
- Bagaimanakah reaksi orang sekeliling apabila mengetahui tokoh menceburi

bidang ini?

- Bagaimanakah tokoh mendapat ilham untuk berkarya?
- Antara semua teknik batik yang dihasilkan, yang manakah paling selesa buat tokoh? Mengapa?


3.0 Pencapaian /Penganugerahan Dan Sumbangan (Seterusnya, sepanjang pakcik buat wau ni, boleh kah pakcik cerita sedikit tentang pencapaian yang pernah pakcik dapat semasa membuat wau ni?)

- Apakah pencapaian yang tokoh rasa paling besar sejak menceburi bidang ini?
- Apakah jenis wau yang dihasilkan oleh tokoh yang dirasakan paling bernilai?
- Berapa banyakkah hasil wau dapat dijual (dalam masa sebulan atau sehari)?
- Bagaimanakah perasaan tokoh apabila mendapat peluang mengajar seni pembuatan batik kepada murid sekolah yang membuat lawatan dari Kuala Lumpur ke Kelantan?
- Apakah reaksi orang seni dari pasaran luar?
- Melalui hasil karya seni ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat?
- Adakah encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi bagi encik dalam menghasilkan wau?
- Pada pendapat encik, apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?
- Apakah cabaran yang dihadapi masa mula-mula memulakan perniagaan encik?

4. PENDAPAT /PANDANGAN/ NASIHAT (Akhir sekali, bolehkah pakcik bagi pendapat ataupun nasihat kepada orang yang baru menceburi dalam bidang pembuatan wau ini?)
- Pada pandangan tokoh, adakah semua orang boleh menceburi bidang ini?
 - Apakah nasihat tokoh kepada masyarakat supaya menghargai seni warisan pembuatan wau di Kelantan dan di Malaysia Amnya?
 - Apakah pandangan tokoh terhadap warisan pembuatan wau pada masa hadapan?
 - Boleh saya tahu apakah perancangan encik pada masa hadapan dalam bidang ini?

LAMPIRAN

LAMPIRAN



Gambar 1: Sijil Pusat Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Wilayah Timur.

LAMPIRAN 2



Sijil 2: Peserta Pesta Wau Antarabangsa 1997.



Sijil 3: Pesta Silat Kelantan 1994.

INDEKS



Penemubual bergambar bersama tokoh seni pembuatan wau di hadapan rumahnya. Terdapat wau berukuran 15 kaki di belakang yang berwarna hijau. Untuk makluman, Wau tersebut dibuat untuk pesta wau Kelantan di Pantai Tujoh Tumpat Kelantan. Wau itu juga dimasukkan kedalam sebuah dokumentari Majalah 3 dan disiarkan oleh TV3.



Sesi bergambar penemu bual bersama tokoh.



Rangka Wau puyuh yang belum disiapkan.

SURAT PERJANJIAN

